

SELAMAT TAHUN BAHARU 2024 !

HASIL CONTACT CENTRE (HCC) :
SALURAN PERHUBUNGAN BERPUSAT HASiL

WAKTU OPERASI
ISNIN – JUMAAT
9.00 PAGI – 5.00 PETANG

PERKHIDMATAN KAMI :

**PANGGILAN MASUK
(INBOUND)**

MENJAWAB PERTANYAAN MELALUI PANGGILAN :

- 03-8911 1000 (DALAM NEGARA)
- 603-8911 1000 (LUAR NEGARA)

**PANGGILAN KELUAR
(OUTBOUND)**

MENGHUBUNGI PEMBAYAR CUKAI BAGI PEMAKLUMAN TUNGGAKAN HASIL,
PERINGATAN BAYARAN ANSURAN PENDAHULUAN DAN GAGAL PATUH
ANSURAN CUKAI

HASiL LIVE CHAT

SALURAN INTERAKSI DUA HALA YANG BOLEH DIAKSES MELALUI MyTAX :
<https://mytax.hasil.gov.my/>

**BORANG MAKLUM BALAS
PELANGGAN**

MENJAWAB PERTANYAAN YANG DIHANTAR MELALUI PAUTAN BERIKUT :
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public>

MEDIA SOSIAL

MENJAWAB PERTANYAAN DARI RUANGAN KOMEN DAN *PRIVATE MESSAGE*
DI FACEBOOK; SERTA *DIRECT MESSAGE* DI 'X'

PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA BAGI TAHUN 2024

Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2024 telah dimuat naik di Portal Rasmi HASiL sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan Borang Nyata mereka pada tahun 2024.

Pembayar cukai daripada semua kategori adalah digalakkan untuk merujuk kepada program ini sebagai panduan bagi melancarkan proses pelaporan cukai dengan HASiL.

Program penuh ini boleh dicapai melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah Menu Borang > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2024 atau di pautan pantas : [Program Memfail Borang Nyata Tahun 2024](#)

WAKTU OPERASI BAHARU KAUNTER HASiL DI UTC

Bermula 15 Januari 2024, waktu operasi baharu bagi semua kaunter HASiL di Pusat Transformasi Bandar (UTC) seluruh negara adalah seperti berikut :

WAKTU OPERASI BAHARU	REHAT (JUMAAT)
Hari bekerja (mengikut Negeri) 8:00 pagi hingga 5:00 petang (Ditutup pada hujung minggu mengikut Negeri dan hari cuti umum Persekutuan/Negeri)	Semenanjung 12:15 tengah hari hingga 2:45 petang Sarawak 11:45 pagi hingga 2:15 petang Sabah dan WP Labuan 11:30 pagi hingga 2:00 petang

Para pelanggan terutamanya pembayar cukai adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan secara dalam talian sebagai alternatif bagi sebarang urusan percukaian berkaitan dengan HASiL melalui portal rasmi di www.hasil.gov.my.

GARIS PANDUAN OPERASI BIL.1/2024

Selaras dengan keperluan semasa, satu garis panduan operasi berkaitan Potongan Cukai Bulanan (PCB) telah diterbitkan bagi membantu majikan menentukan amaun PCB dengan betul dan tepat selari dengan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 [P.U.(A) 507/1994].

Garis Panduan Operasi Bil.1/2024 : Potongan Cukai Bulanan Di Bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 [P.U.(A) 507/1994] yang dikeluarkan pada 2 Januari 2024 menjelaskan tentang tanggungjawab majikan berhubung dengan pelaksanaan PCB ke atas saraan bulanan pekerja serta kaedah penentuan amaun PCB.

Maklumat lanjut berhubung garis panduan ini boleh dilihat di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Perundangan.

INFO PKPS 2.0 : PROSEDUR PENGAKUAN SUKARELA

Pengakuan sukarela hendaklah dibuat melalui kaedah berikut :

- a) Pembayar cukai baharu : Borang Nyata (BN) atau Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dihantar dalam tempoh PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual, atau
- b) Pembayar cukai sedia ada :
 - i) Tidak kemukakan BN / BNCKHT. BN / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual, atau
 - ii) Telah mengemukakan BNCP namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan. Pengakuan sukarela perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di MyTax menggunakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian;
- c) Pengakuan sukarela melibatkan isu harga pindahan : Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh dimuat turun dari Portal RasmiHASiL. Borang yang telah lengkap diisi berserta lampiran perlu dikemukakan kepada Pejabat HASiL yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat HASiL yang berhampiran, dan
- d) Pembayar duti : Dokumen / perjanjian perlu dikemukakan melalui Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) untuk proses penyeteman.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperolehi daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

INISIATIF NASIONAL E-INVOIS

e-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli. e-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain.

e-Invois mengandungi maklumat penting yang sama seperti dokumen tradisional, contohnya, butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan, yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

ALIRAN KERJA E-INVOIS



 www.hasil.gov.my  @HASILMalaysia  @HASIL_Malaysia  @hasil_malaysia  03-8911 1000

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI E-INVOIS

- 1) Rujuk laman mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL : www.hasil.gov.my,
- 2) Rujuk Garis Panduan e-Invois dan Soalan Lazim, atau
- 3) Kemukakan e-mel kepada myinvois@hasil.gov.my untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas

WASPADA DENGAN SCAMMER :

PEMBAYAR CUKAI DISARANKAN UNTUK TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMAT PERIBADI SEPERTI NOMBOR KAD PENGENALAN, NOMBOR AKAUN BANK ATAU NOMBOR OTP (ONE-TIME PASSWORD) KEPADA PIHAK YANG TIDAK DIKENALI. SILA RUJUK DENGAN HASIL BAGI URUSAN PERCUKAIAN ANDA.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.